



**SIARAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

**CRADLE DAN MICROSOFT JALIN KERJASAMA UNTUK MEMPERKASAKAN  
SYARIKAT *START-UP* MALAYSIA**

---

**KUALA LUMPUR, 9 OGOS 2022** – Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba hari ini telah menyaksikan majlis pemeteraian **Memorandum Persefahaman (MoU)** antara **Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle)** dengan **Microsoft Malaysia (Microsoft)**.

Kolaborasi antara Cradle iaitu agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan Microsoft membuktikan komitmen kedua-dua pihak dalam menyediakan platform kepada syarikat pemula atau *start-up* tempatan untuk membangunkan hasil inovasi di peringkat global.

Menerusi MoU ini, Cradle akan bekerjasama dalam program **Microsoft for Startups Founders Hub** dengan menyediakan peluang meningkatkan kemahiran, memberi panduan dari segi teknikal, menyediakan capaian kepada *Microsoft Mentor Network* berserta akses percuma kepada GitHub Enterprise dan peningkatan produktiviti dengan Microsoft 365 serta kredit awan Azure bernilai sehingga USD150,000.00 untuk membangunkan produk mereka.

Menurut YB Dato' Sri Dr. Adham bin Baba, jalinan kerjasama antara Cradle dan Microsoft diharapkan dapat memastikan kemampanan ekosistem *start-up*. Syarikat *start-up* juga perlu mengambil peluang dalam memanfaatkan kepakaran dan ilmu

yang ada pada syarikat besar seperti Microsoft untuk meneroka pasaran antarabangsa.

“MOSTI percaya bahawa kolaborasi ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan dan pembangunan yang lebih giat kepada syarikat-syarikat *start-up* di Malaysia. Ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan ekosistem teknologi di Malaysia, selain menjadi peneraju ekosistem *start-up* menjelang 2030 seterusnya mencapai pembangunan sosio-ekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan,” kata YB Dato’ Sri Dr. Adham bin Baba.

Tambahnya, “Kerjasama antara Cradle dan Microsoft bukan sekadar untuk menyediakan akses kepada teknologi digital kepada para usahawan, tetapi juga bagi memastikan daya tahan ekonomi, kemahiran dan pengetahuan digital dapat dikuasai dan seterusnya menyediakan persekitaran digital yang dipercayai serta selamat agar perniagaan dapat berkembang maju.”

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Cradle, Encik Norman Matthieu Vanhaecke, “Kita sering lihat syarikat *start-up* di Malaysia menghadapi kesukaran untuk merealisasikan idea mereka. Kebanyakannya berpotensi dan berdaya saing namun sukar mengambil peluang menggunakan teknologi yang sedia ada. Justeru itu, Cradle sangat teruja untuk bekerja rapat dengan Microsoft sebagai rakan kolaborasi bagi mempertingkatkan kepakaran teknologi sekali gus membangunkan ekosistem *start-up* yang lebih mampan di Malaysia.”

Naib Presiden Kanan, Pembangunan Ekosistem Cradle, Encik Ahmad Kashfi Alwi pula berkata, “Dengan pelbagai halangan yang dihadapi oleh *start-up*, MOSTI melalui Cradle telah mengambil langkah untuk menyediakan sokongan jangka masa panjang melalui program MYStartup bagi memperkasakan *start-up* melalui inisiatif-inisiatif pembangunan kapasiti yang lebih komprehensif. Ini diharap dapat memberi manfaat dan bimbingan kepada *start-up* untuk meningkatkan lagi daya saing dan kebolehpasaran.”

Dalam pada itu, Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, Encik K. Raman, menjelaskan Microsoft yang sudah 30 tahun berada di Malaysia mempunyai kepakaran teknologi

dan keupayaan menembusi pasaran yang unik demi membantu matlamat *start-up* di Malaysia. Katanya, "Kami akan mengetengahkan platform Microsoft untuk Hab Pengasas *Start-up* di Malaysia sebagai sebahagian daripada jalinan kolaborasi dengan Cradle dan MOSTI. Ini menunjukkan komitmen berterusan Microsoft di bawah inisiatif Bersama Malaysia," katanya.

Pada majlis pemeeteraian MoU ini, sesi perbincangan bertemakan '*Empowering Startups with Technology*' turut diadakan dengan menghimpunkan barisan panel yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin industri iaitu YBhg. Datuk Ts. Dr. Mohd Nor Azman Hassan, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Teknologi) MOSTI, Puan Azizah Ali, Ketua Pegawai Pemasaran dan Operasi, Microsoft Malaysia; Dr. Raymond Choy, Ketua Pegawai Eksekutif DOC2US; dan Encik Patrick Hew, Ketua Pegawai Teknologi Paywatch.

**#TAMAT#**

**Disediakan oleh:**

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

**9 OGOS 2022**